

Media Title : Harian Metro  
Headline : Empat lelaki 'keldai akaun' dicekup  
Date : 8 November 2023  
Section : Lokal  
Page : 3



## ***Empat lelaki 'keldai akaun' dicekup***

**Balik Pulau:** Perolehi wang mudah dengan menawarkan diri menjadi 'keldai akaun' bagi empat sindiket penipuan.

Empat lelaki terbabit yang bersubahat menyebabkan kerugian RM59,615 bagaimanapun ditahan secara berasingan oleh anggota polis Bahagian Siasatan Jenayah Komersil (BSJK) Daerah Barat Daya.

Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya dalam kenyataannya memaklumkan, kes pertama membabitkan tangkapan terhadap seor-

ang lelaki berusia 35 tahun.

Menurutnya, suspek disyaki memperdaya mangsa dengan menawarkan kerja sambilan secara dalam talian dengan sebuah syarikat e-dagang.

"Manakala suspek kes kedua adalah lelaki berusia 49 tahun yang menyamar sebagai pegawai Bank Negara.

"Berdasarkan maklumat, mangsa kes pertama adalah seorang lelaki berusia 25 tahun. Mangsa membuat transaksi peminda-

han wang ke beberapa akaun berasingan dengan jumlah keseluruhan RM19,826. Mangsa kes kedua pula terpedaya dengan membuat beberapa transaksi berjumlah RM15,979," katanya semalam.

Sementara itu, dalam satu lagi kes berasingan polis menahan seorang lelaki berusia 21 tahun, kerana dipercayai menjadi keldai akaun bagi sindiket penipuan penghantaran barang yang menyebabkan mangsa kerugian RM14,000.

Tangkapan keempat pula

membabitkan seorang lelaki berusia 23 tahun yang menjadi keldai akaun, dalam urusan pinjaman wang tidak wujud di laman sosial Facebook.

Menurut kenyataan itu mangsa diperdaya untuk membuat beberapa transaksi hingga menyebabkan kerugian berjumlah RM9,810.

Kesemua tangkapan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Barat Daya dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun keseksaan kerana menipu.